

TAHAP MOTIVASI INTRINSIK DAN EKSTRINSIK TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ DI SELANGOR

Hanis Najwa Shaharuddin

Ku Fatahiyah Ku Azizan

Wazzainab Ismail

Farah- Nur Rashida Rosnan

Norafidah Gordani

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Motivasi merupakan salah satu elemen penting dalam menguasai sesuatu pembelajaran terutamanya pada pembelajaran bahasa kedua. Dua jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik saling berkait rapat untuk menggerakkan sesuatu individu menguasai sesuatu pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahniz di Selangor. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Teknik persampelan rawak digunakan dengan melibatkan seramai 279 sampel iaitu pelajar tahniz di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan pelajar tahniz di Darul Quran (DQ) Jakim. Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik berada pada tahap tinggi iaitu dengan min masing-masing : 3.46 dan 3.16. Walaupun kedua-dua min bagi setiap motivasi tinggi, namun motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Justeru, perlu adanya penambahbaikan beberapa faktor motivasi luaran yang perlu diberikan kepada pelajar. Hal ini kerana penguasaan bahasa Arab boleh dikuasai dengan adanya minat dalam diri dan dibantu oleh sokongan luar. Oleh itu, pihak-pihak bertanggungjawab seperti guru, ibu bapa dan rakan perlu meneruskan galakan dan sokongan kepada pelajar dalam menguasai bahasa kedua iaitu bahasa Arab.

Kata Kunci: Motivasi, Intrinsik, Ekstrinsik, Pelajar Tahniz, Selangor

PENGENALAN

Pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua semakin berkembang di Malaysia. Di dalam sistem pendidikan Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mempunyai banyak tujuan. Antara tujuan utamanya adalah memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam pelbagai bidang ilmu. Dengan adanya pelbagai jenis pendekatan dan kaedah ini, ia boleh membantu para pelajar menguasai bahasa. (Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012; Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah, 2014; M. Ilham Muchtar, 2015).

Perkembangan hafazan al-Quran di Malaysia sangat pesat. Kesedaran dan minat masyarakat terhadap pendidikan agama sangat tinggi. Permintaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak

yang menyediakannya. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian masyarakat. Maahad tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Apa yang menarik ialah setiapnya menawarkan pendekatan dan reka bentuk kurikulum yang pelbagai dan tersendiri. (Noor Hisham, Nur Azuki, Mohd Binyamin & Nasrul Hakim, 2014).

Setelah tamat pembelajaran pada sekolah menengah, para pelajar akan melanjutkan pelajarannya pada peringkat yang lebih tinggi. Kebanyakan pelajar tahfiz menyambung pengajian ke Timur Tengah seperti di Mesir, Jordan dan Yaman. Namun, terdapat juga pelajar yang hanya mahu sambung di dalam negara. Dua institusi iaitu Darul Quran dan Kolej Universiti Islam Selangor menawarkan diploma dan ijazah al-Quran dan Qiraat. Maka, para pelajar yang dahulunya merupakan pelajar tahfiz akan menyambung pelajarannya pada dua institusi ini sekiranya menyambung pelajaran di dalam negara.

PERNYATAAN MASALAH

Motivasi merupakan salah satu isu dalam menentukan suatu mekanisme yang menjana kelangsungan proses pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar. Isu ini dilihat mempunyai perkaitan yang jelas dengan jenis Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik yang diamalkan di bilik darjah dapat merangsang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian bertajuk “Intrinsik Dan Ekstrinsik: Tinjauan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama” yang dijalankan di salah sebuah sekolah swasta di Negeri Perlis membuktikan bahawa pendekatan motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan intrinsik dan ekstrinsik pelajar ke arah mencapai matlamat dalam pembelajaran Bahasa Arab. (Mohd Zaki Ahmad, Mohd Zaki Abd. Rahman, 2014).

Permasalahan lain yang timbul ialah pelajar tahfiz lemah dalam membaca teks Arab. Bukan itu sahaja, dalam subjek Nahu dan Sorof juga merupakan kesukaran yang paling tinggi bagi pelajar tahfiz. Walaupun mereka menghafaz al-Quran, namun kosa kata yang ada dalam diri mereka masih kurang. Minat dalam menghafaz al Quran wujud namun ia tidak diamalkan dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini juga telah dikaji oleh kajian yang dijalankan oleh Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf (2014) di kalangan pelajar IPTA terpilih di Malaysia, faktor yang menyebabkan kelemahan berbahasa Arab kerana kurang menguasai *Nahw* dan *Sarf*. Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini dijalankan mendapati kekangan dan juga halangan yang dihadapi oleh pelajar mengikut peratusan terbanyak adalah mengikut susunan berikut:

- i. Tidak menguasai ilmu Nahw dan Sarf.
- ii. Kurang kosa kata Arab.
- iii. Malu.
- iv. Tiada suasana yang memberangsangkan.
- v. Tiada dorongan dan semangat daripada yang lain.

Selain itu, masih kurang kajian berkaitan bahasa Arab yang dikaitkan dengan pelajar tahfiz. Bagaimana seseorang yang menghafaz al – Quran tapi belum mampu memahami dan menguasai bahasa Arab. Berdasarkan kelemahan para pelajar tahfiz, kajian ini ingin mengenal pasti motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang boleh dipertingkatkan lagi dalam membangkitkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz.

KAJIAN LITERATUR

a. Motivasi

Definisi motivasi telah didefinisikan dalam pelbagai bentuk dan konsep oleh pengkaji dalam bidang psikologi dan bidang saintifik yang lain. Oleh sebab itu, konsep motivasi mengandungi definisi yang pelbagai. Dalam kajian Gardner (2005) beliau ada merujuk penemuan daripada kajian Keller (1983) menyatakan bahawa motivasi adalah pilihan yang dibuat oleh individu tentang pengalaman, matlamat serta usaha yang dilakukan untuk mencapai atau mengelak sesuatu tujuan. Selain itu, motivasi juga merupakan kesungguhan seseorang dalam tindakan untuk menyelesaikan sesuatu perkara (Brophy, 1998; Pintrich & Schunk, 1996). Penetapan matlamat membawa kepada dua orientasi yang berbeza, iaitu intrinsik dan ekstrinsik.

Motivasi intrinsik merupakan motivasi dalaman iaitu keinginan pelajar itu sendiri dari segi minat, ingin tahu dan kepuasan terhadap sesuatu pembelajaran. Selain itu, motivasi intrinsik ini juga merupakan tindakan yang tidak perlu dirangsang daripada luar. Ia merupakan dorongan yang tersendiri dari diri seseorang untuk melakukan sesuatu aktiviti. Sebagai contoh, pelajar yang rajin membaca buku. Ia bukan suruhan daripada sesiapa tetapi ia merupakan minat dalam dirinya untuk membaca buku. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik ini merupakan pelajar yang ingin terdidik dengan ilmu pengetahuan kerana mereka terdorong untuk belajar kerana minat dan ingin menjadi orang berpengetahuan.

Motivasi ekstrinsik pula dikaitkan sebagai dorongan dan sokongan luaran iaitu bukan dari dirinya sendiri untuk melakukan sesuatu aktiviti. Ia juga merupakan ganjaran yang ingin diperoleh selepas mendapat gred yang baik, markah peperiksaan yang baik, persaingan dengan rakan atau tidak mahu dikenakan denda. Tambahan lagi, pelajar yang bermotivasi ekstrinsik ini menganggap mereka tidak berkebolehan atau bijak dalam membuat sesuatu keputusan. Pelajar ini lebih mendengar kata guru jika kerja yang mereka lakukan tidak memuaskan.

Azizi dan Jaafar Sidek (2006), menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi peneguhan serta-merta kepada pelajarnya apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Peneguhan ini boleh diberi dalam pelbagai bentuk seperti pujian, senyuman atau pun hadiah. Secara tidak langsung, ia dapat mempertingkatkan lagi aras motivasi serta prestasi pelajar-pelajarnya.

b. Bahasa Kedua (Bahasa Arab)

Bahasa merupakan wahanan komunikasi insan. Ia merupakan alat kebudayaan manusia yang paling tinggi. (M. Ilham Muchtar, 2015, Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016). Bahasa berperanan memudahkan urusan manusia. Tidak dinafikan bahawa pemerolehan bahasa pertama amat mudah bagi manusia kerana bahasa tersebut diperolehi secara langsung daripada ibu dan bapa mereka. Namun, bagi penguasaan bahasa kedua, seseorang perlu mempelajarinya melalui kemahiran-kemahiran yang tertentu dengan tersusun seperti kemahiran mendengar, bertutur,

Bahasa Arab secara umumnya meliputi ilmu Nahu, Sarof, Balaghah, dan beberapa lagi cabang ilmu yang berkaitan. Kajian yang dijalankan oleh Azhar Muhammad et al, (2006), menunjukkan kepentingan mendalamai ilmu Balaghah sebagai peranannya menghayati al-Quran yang memiliki balaghah yang sangat tinggi. Menurut kajian tersebut, bahasa Arab yang dipelajari juga tidak lengkap sekiranya ilmu Balaghah ini tidak ikut dipelajari. Maka tidak syak lagi bahawa kemuncak ketinggian bahasa itu terdapat dalam bahasa al-Quran. Oleh yang demikian, ditegaskan di sini bahawa kajian ilmu Balaghah sebenarnya dibuat dengan tujuan untuk mendekati al-Quran itu sendiri, memahami, menikmati dan menghayatinya. Begitu juga ilmu Nahu, yang mempunyai kepentingan tersendiri dalam pengajian bahasa Arab. Keupayaan menguasai ilmu nahu dapat membantu pemahaman teks Arab yang dibaca. Penguasaan ilmu nahu juga akan turut membantu pembentukan struktur ayat yang baik dalam penulisan dan pertuturan. (Hazrul Affendi Mohmad Razali et al, 2016)

Al-Quran dan bahasa Arab adalah dua perkara yang berkait rapat antara satu dengan yang lain. (Safinah, 2015, Moh. Maksyufun Nuha, 2015) Mereka yang fasih membaca al-Quran akan mudah untuk membaca teks-teks Arab dengan lancar. Terdapat kenyataan bahawa kanak-kanak yang menguasai al-Quran akan secara tidak langsung akan menguasai bahasa Arab (Safinah, 2015). Bahasa Arab dan Al-Quran seumpama dua sisi mata wang yang tidak dapat dipisah-pisahkan antara satu dengan yang lainnya. Mempelajari bahasa Arab adalah syarat wajib untuk menguasai isi Al-Quran dan mempelajari bahasa Al-Quran bermaksud mempelajari bahasa Arab. Dengan demikian penguasaan pelajaran bahasa Arab dengan kemampuan membaca Al-Quran merupakan satu kesepadan dalam pelajaran pendidikan. (Moh. Maksyufun Nuha, 2015) Kajian yang dilakukan oleh calon Sarjana di Indonesia juga membuktikan bahawa terdapat pengaruh positif antara hafalan al-Quran dan prestasi pembelajaran bahasa Arab (Husna Rosidah, 2015).

Justeru, beberapa kajian di peringkat sarjana telah dijalankan demi menguji kolerasi di antara penguasaan bahasa Arab dan kaitannya dengan penguasaan al-Quran. Kajian yang telah dijalankan oleh seorang pelajar sarjana Indonesia ke atas siswa MI Matholiunnajah Sinanggul Mlonggo Jepara sesi 2014-2015, bertujuan untuk meneliti seberapa kuat hubungan penguasaan bahasa Arab terhadap kemampuan membaca al-Quran dan signifikan hubungan penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan membaca Al-Qur'an siswa. Ternyata, terdapat pengaruh sangat signifikan di antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab terhadap Kemampuan Membaca Al-Quran. Ini bermakna, tinggi rendahnya penguasaan pelajaran bahasa Arab siswa ada hubungan erat dengan kemampuan siswa dalam membaca kitab suci Al-Quran. (Moh. Maksyufun Nuha, 2015).

Penguasaan bahasa Arab merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam diri individu dan mempunyai hubungan kuat dengan kemampuan seseorang dalam membaca Al-Quran, ini kerana sekiranya seseorang itu mampu menguasai bahasa Arab dengan baik maka akan lebih mudah dalam memahami Al-Quran, Hadis ataupun ilmu-ilmu pengetahuan agama lainnya yang menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, agak sukar baginya memahami Al-Quran, Hadis dan ilmu-ilmu pengetahuan agama yang lain sekiranya lemah dalam penguasaan bahasa Arab. (Moh. Maksyufun Nuha, 2015).

Begitu juga hasil kajian yang telah dijalankan di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngaliyan Semarang, menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara penguasaan *mufradat* dengan kemampuan menghafal al-Quran. Oleh karena itu, semakin tinggi penguasaan *mufradat* mahasiswa, semakin tinggi pula kemampuan membaca al-Quran mereka, sebaliknya semakin rendah penguasaan *mufradat* pelajar, semakin rendah pula kemampuan membaca al-Quran mereka. (Siti Sofiah, 2013).

Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa bahasa Arab dan Al-Quran adalah dua perkara yang mendokong antara satu lain. Terdapat kajian yang signifikan dalam menzahirkan kolerasi antara penguasaan bahasa Arab dan bacaan dan pemahaman al-Quran. Namun terdapat perbezaan yang akan dikupas dalam penyelidikan ini kerana senario adalah berbeza antara hafazan Al-Quran diberi fokus yang tinggi sebaliknya pembelajaran bahasa Arab tidak dijalankan seperti yang sepatutnya. Ini boleh juga dilihat pada keadaan di mana pembelajaran bahasa Arab yang tidak menghubungkan dengan al-Quran. Kesannya hafazan al-Quran tidak membantu penguasaan pembelajaran bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi:-

1. Mengenal pasti tahap intrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahnif di Selangor.
2. Mengenal pasti tahap ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahnif di Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar tahnif untuk dua institusi ini dianggarkan sebanyak 500 orang. Oleh itu, sampel kajian terdiri daripada 279 orang, iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan digeneralisasikan kepada populasi di DQ dan KUIS (Krejeceie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedar soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1:

Jadual 1: Kategori tahap penilaian min skala likert 4

| Julat Min | Tahap Min |
|------------------|------------------|
| 1.00-2.00 | Rendah |
| 2.01-3.00 | Sederhana |
| 3.01-4.00 | Tinggi |

Sumber: Abdull Sukor (2008)

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahnif di Selangor. Kajian dijalankan juga untuk menentukan tahap kepuasan kerja guru. Dapatkan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai.

PROFIL DEMOGRAFI KAJIAN

Kajian ini menggunakan seramai 279 responden dengan demografi seperti jantina, umur, tahap pendidikan, institusi, semester pengajian dan juzuk yang telah dihafaz.

Jadual 2: Profil demografi kajian

| Demografi | Kekerapan | Peratusan |
|---------------------------------|------------------|------------------|
| <i>Jantina</i> | | |
| Lelaki | 146 | 52.3% |
| Perempuan | 133 | 47.7% |
| <i>Umur</i> | | |
| 18-22 Tahun | 262 | 93.9% |
| 23-27 Tahun | 14 | 5.0% |
| 28-32 Tahun | 2 | 0.7% |
| Lain-lain | 1 | 0.4% |
| <i>Tahap Pendidikan</i> | | |
| Ijazah | 114 | 40.9% |
| Diploma | 195 | 59.1% |
| <i>Institusi</i> | | |
| KUIS | 147 | 52.7% |
| DQ | 132 | 47.3% |
| <i>Semester Pengajian</i> | | |
| Semester 1 | 6 | 2.2% |
| Semester 2 | 240 | 86.0% |
| Semester 3 | 33 | 11.8% |
| Semester 4 | 0 | 0% |
| <i>Juzuk yang telah dihafaz</i> | | |
| 0-10 | 162 | 58.1% |
| 11-20 | 48 | 17.1% |
| 21-30 | 69 | 24.7% |

Jadual 2 menunjukkan berdasarkan jantina pelajar, seramai 146 orang (52.3%) pelajar lelaki dan seramai 133 orang (47.7%) pelajar perempuan. Berdasarkan umur, seramai 262 orang (93.9%) berumur antara 18 – 22 tahun. Seramai 14 orang (5.0%) berumur antara 23 – 27 tahun, seramai 2 orang (0.7%) berumur antara 28 – 32 tahun dan seramai 1 orang (0.4%) berumur 33 tahun dan ke atas. Berdasarkan tahap pendidikan, seramai 114 orang (40.9%) merupakan pelajar ijazah dan seramai 195 orang (59.1%) merupakan pelajar diploma. Bagi institusi pula, seramai 147 orang (52.7%) belajar di KUIS dan seramai 132 orang (47.3%) belajar di DQ. Bagi semester pengajian, seramai 6 orang (2.2%) masih berada pada semester 1, seramai 240 orang (86.0%) berada di semester 2, seramai 33 orang (11.8%) berada pada semester 3. Untuk juzuk yang telah dihafaz, seramai 162 orang (58.1%) menghafaz di antara 0-10 juzuk, seramai 48 orang (17.1%) menghafaz di antara 11 -20 juzuk dan seramai 69 orang (24.7%) menghafaz di antara 21-30 juzuk.

ANALISIS DESKRIPTIF

Bagi melihat tahap motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahliz di Selangor, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai. Jumlah min daripada setiap konstruk akan dikategorikan kepada tiga skor seperti jadual di bawah.

Jadual 3: Skor Min

| Julat Min | Tahap Min |
|------------------|------------------|
| 1.00-2.00 | Rendah |
| 2.01-3.00 | Sederhana |
| 3.01-4.00 | Tinggi |

a. Tahap Motivasi Intrinsik

Hasil analisis deskriptif bagi tahap motivasi intrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahliz di Selangor seperti di bawah.

Jadual 4: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Motivasi Intrinsik Pelajar Tahliz Terhadap Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab

| No. | Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|------------------------|---|-------------|-----------------------|---------------------|
| 1. | Saya mahu mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan al Quran | 3.68 | 0.510 | Tinggi |
| 2. | Saya mahu mempelajari bahasa Arab untuk memudahkan saya menghafaz al Quran | 3.65 | 0.555 | Tinggi |
| 3. | Saya mahu tugas yang membolehkan saya menguasai bahasa Arab. | 3.39 | 0.606 | Tinggi |
| 4. | Pengajian al Quran semenjak kecil membangkitkan keinginannya terhadap al Quran. | 3.39 | 0.690 | Tinggi |
| 5. | Belajar bahasa Arab dapat membantu seseorang Muslim memperkuatkan keimanan terhadap al Quran | 3.58 | 0.587 | Tinggi |
| 6. | Saya bersemangat belajar bahasa Arab jika rakan sekelas sering memberi kerjasama dalam kerja berkumpulan. | 3.47 | 0.628 | Tinggi |
| 7. | Saya menggunakan kekuatan dalaman diri untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran bahasa Arab. | 3.11 | 0.636 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | | 3.46 | 0.416 | Tinggi |

Jadual 4 mendapati bahawa setiap item bagi tahap motivasi intrinsik pelajar tahliz berada pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai pada item 1 (Saya mahu mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi kandungan al Quran) iaitu nilai min = 3.68 dengan sisihan piawai = 0.510. Diikuti dengan item 2 (Saya mahu mempelajari bahasa Arab untuk memudahkan saya menghafaz al Quran) dengan nilai min = 3.65

dengan sisihan piawai = 0.555. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 7 (Saya menggunakan kekuatan dalaman diri untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran bahasa Arab) iaitu nilai min = 3.11 dengan sisihan piawai = 0.636. Secara keseluruhannya, tahap motivasi intrinsik pelajar tafhib terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan nilai min = 3.46 dengan sisihan piawai = 0.416.

b. Tahap Motivasi Ekstrinsik

Seterusnya kajian ini mengkaji tahap motivasi ekstrinsik para pelajar tafhib terhadap pembelajaran bahasa Arab. Analisis deskriptif dijalankan dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai. Berikut merupakan hasil tahap motivasi ekstrinsik seperti jadual di bawah.

Jadual 5 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Motivasi Intrinsik Pelajar Tafhib Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

| No. | Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|------------------------|---|-------------|----------------|---------------|
| 1. | Ganjaran dan pujian menggalakkan saya untuk belajar bahasa Arab | 2.95 | 0.796 | Sederhana |
| 2. | Saya sentiasa mendapat sanjungan apabila dapat melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran bahasa Arab | 2.58 | 0.694 | Sederhana |
| 3. | Kerjasama dalam kalangan rakan-rakan sekelas memudahkan saya melaksanakan tugas subjek bahasa Arab | 3.36 | 0.612 | Tinggi |
| 4. | Galakan daripada guru dan ibu bapa adalah penting dalam pembelajaran bahasa Arab | 3.56 | 0.571 | Tinggi |
| 5. | Ibu bapa menggalakkan saya belajar bahasa Arab semenjak dari sekolah rendah | 3.31 | 0.728 | Tinggi |
| 6. | Suasana dan persekitaran membantu dalam pembelajaran bahasa Arab saya. | 3.22 | 0.798 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | | 3.16 | 0.460 | Tinggi |

Jadual 5 mendapati bahawa setiap nilai min tahap motivasi ekstrinsik bagi pelajar tafhib terhadap pembelajaran bahasa Arab bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min paling tinggi dicapai pada item 4 (Galakan daripada guru dan ibu bapa adalah penting dalam pembelajaran bahasa Arab) iaitu dengan nilai min = 3.56 dengan sisihan piawai 0.571. Seterusnya diikuti dengan item 3 (Kerjasama dalam kalangan rakan-rakan sekelas memudahkan saya melaksanakan tugas subjek bahasa Arab) iaitu dengan nilai min = 3.36 dengan sisihan piawai = 0.612. Nilai min paling rendah dicapai oleh item 2 (Saya sentiasa mendapat sanjungan apabila dapat melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran bahasa Arab) dengan nilai min = 2.58 dengan sisihan piawai = 0.694. Secara keseluruhannya, tahap motivasi ekstrinsik bagi pelajar tafhib terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.16 dengan sisihan piawai = 0.798.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatkan kajian mendapati min keseluruhan bagi tahap motivasi intrinsik pelajar tafhiz terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap tinggi dengan mencatatkan nilai min = 3.46 dengan sisihan piawai = 0.416. Ini menunjukkan motivasi intrinsik merupakan salah satu faktor pelajar tafhiz mempelajari bahasa Arab untuk memudahkan diri pelajar memahami al Quran. Bukan itu sahaja, item 2 juga menunjukkan min yang tinggi iaitu min = 3.65 (mempelajari bahasa Arab ini juga memudahkan para pelajar untuk menghafaz al-Quran). Hasil kajian ini disokong dengan kajian oleh Moh. Maksyufun Nuha, 2015 yang menyatakan bahawa terdapat pengaruh sangat signifikan di antara penguasaan pelajaran bahasa Arab terhadap kemampuan dan kefahaman membaca al-quran. Ini bermakna, tinggi rendahnya penguasaan pelajaran bahasa Arab siswa ada hubungan erat dengan kemampuan siswa dalam membaca dan memahami kitab suci Al-Quran.

Selain itu, item 7 merupakan item yang mendapat min yang tinggi namun ia merupakan min yang paling rendah pada ketujuh-tujuh item motivasi intrinsik. Item 7 (Saya menggunakan kekuatan dalaman diri untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran bahasa Arab) dengan nilai min= 3.11. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar masih mempunyai keinginan dalam mengatasi kelemahan pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya minat dan dorongan dari dalaman, ia dapat memotivasi para pelajar bahawa bahasa Arab itu boleh difahami dan dikuasai oleh para pelajar. Berdasarkan kajian Ayuni & Rohaidah (2016) menyatakan bahawa seseorang yang bermotivasi mempunyai matlamat dan keyakinan yang tinggi dalam mengatasi permasalahan dalam benda sesuatu yang pelajar minati.

Pada tahap motivasi ekstrinsik, item 2 (Saya sentiasa mendapat sanjungan apabila dapat melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran bahasa Arab) merupakan item yang mendapat min sederhana iaitu dengan nilai min = 2.58. Diikuti dengan item 1 (Ganjaran dan pujian menggalakkan saya untuk belajar bahasa Arab) juga mendapat min yang sederhana iaitu nilai min = 2.95. Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa guru kurang memberi sanjungan dan pujian apabila pelajar melakukan sesuatu tugas dalam pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan kajian Mariani et al. (2016) menyatakan bahawa galakan dan sokongan serta insentif perlu dilaksanakan selalu bagi mewujudkan rasa dihargai dalam diri pelajar dan secara tidak langsung memberi impak terhadap keberhasilan pelajar. Hal ini bertepatan kerana item 4 yang mendapat nilai min tertinggi menunjukkan bahawasanya galakan daripada ibu bapa dan guru sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab.

KESIMPULAN

Motivasi merupakan salah satu faktor untuk pelajar memahami dan menguasai bahasa Arab. Dengan dorongan dan minat, para pelajar mampu menguasai dan bersedia untuk mengatasi kelemahan dalam bahasa Arab. Kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tafhiz mempunyai nilai min yang tinggi. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa item yang sederhana pada motivasi ekstrinsik. Justeru, satu penambahbaikan perlu dilaksanakan daripada kalangan guru-guru dengan memberi pujian dan galakan kepada pelajar untuk memahami dan menguasai bahasa Arab. Dengan langkah ini, para pelajar akan lebih mampu meminati,

memahami dan menguasai bahasa Arab kerana keinginan dalaman lebih terdorong atas sebab motivasi daripada luaran.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari. 2008. Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah. *IJMS 15*.
- Adnan Mat Ali, Muhammad Firdaus Abdul Manaf . Kekangan Bertutur Dalam Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar BASL. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) Kuala Lumpur. 17-18 November 2014.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012(PKEBAR'12)* disunting oleh: MohdShukari Hamzah, Khazri Osman, MoktarHussain, SuhailaZailani @ Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, HakimZainal, &Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi . ISBN 978-967- 5478-49-9.
- Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamaruddin. 2016. Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation 4(2), 2016: 83 – 92.*
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, BushrahBasiron, Kamarul Azmi Jasmi & SulaimanShakibMohd Noor. 2006. *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Pengajian Ilmu Retorik Arab.* VOT 75193. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi dan Jaafar Sidek. 2006. *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja.* Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Brophy, J. 1998. *Motivating Students To Learn.* New York: McGraw-Hill.
- Gardner, R.C. 2005. Integrative Motivation and Second Language Acquisition. *Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk.* London, Canada : The University of Western Ontario.
- Hazrul Affendi Mohmad Razali, Zamri Arifin & Hakim Zainal. Analisis Item Ujian Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 2(2), Disember 2016: 1-22.*
- Krejeceie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement 30(3): 607 - 610.*
- M. Ilham Muchtar. Penerapan Metode Al-'Arabiyyah Bayna Yadaik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Ma'had Al-Birr Makassar. *Hunafa:Jurnal StudiaIslamika. Vol. 12, No. 1, Juni 2015: 121-140.*
- Mariani Md Nor, Mohd Nazri Abdul Rahman, Norazana Mohd Nor, Nor'ain Mat Talha & Zabidi Abdul Razak. 2016. Amalan Kepimpinan Pengajaran untuk Penambahbaikan sekolah: Retrospeksi Guru Besar Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan.*
- Moh. MaksyufNuha.2015. Tesis Sarjana. *Studi Korelasi Antara Penguasaan Pelajaran Bahasa Arab Dengan Kemampuan Membaca Al-Qur'an Siswa Mi Matholiunnajah Sinanggul Kec. Mlonggo Kab. Jepara Tahun Pelajaran 2014/2015.* Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan KeguruanUniversitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.

Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad HaronHusaini. Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, Vol. III, No. I (April 2016) 123 – 138. e-ISSN 2289-7909.

Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. 1996. *Motivation In Education: Theory, Research And Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.

Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. (2014). Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. (peny.) Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Lazim Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Khazri Osman, Al Muslim Mustapa & Mohd Shahrizal Nasir. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA. ISBN 978-967-5478-78-9.